

Suara Al - Istiqamah

Membina Masyarakat Beriman, Berilmu & Beramal

JILID 2, ISU 1

MITA (P) No. 280/12/2001

Februrari 2002

Percuma

Zulhijjah 1422 H

Iktibar Korban dalam Kehidupan

SETIAP kali hari raya korban tiba, setiap kali itu juga kita wajar menghimbau semangat korban yang datang bersamanya.

Korban mempunyai hikmah besar. Lantaran itulah, amalan korban telah dimulakan sejak zaman Nabi Adam a.s., iaitu korban yang dilakukan oleh dua orang anaknya Habil dan Qabil (satu diterima dan satu ditolak Allah bersabit keikhlasan hati), hingga kepada kisah ketaatan-Nabi Ibrahim a.s untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail a.s. dan semangat pengorbanan yang tinggi yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Semuanya menjurus ke satu arah: pengabdian hakiki terhadap Allah, Tuhan semesta alam.

Kita harus mengambil kesempatan Hari Raya Korban ini untuk menyemak semula iktibar di sebalik ibadah korban dalam kehidupan seharian kita.

Banyak yang boleh kita lakukan: mengorbankan masa menonton televisyen dan menggantikannya dengan membaca; mengorbankan kesukaan mendengar hiburan dan menggantikannya dengan mendengar ayat-ayat suci al-Quran dan syarahan; mengorbankan tabiat bersembang dan menggantikannya dengan mengisi masa bersama keluarga atau mengikuti kursus yang dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran diri; mengorbankan masa bersiar-siar tidak tentu haluan dan menggantikannya dengan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan; dan mengorbankan suka berbelanja dengan menderma kepada masjid/pertubuhan dan golongan yang serba kekurangan.

Ringkasnya, marilah kita mengambil iktibar daripada Hari Raya Korban ini untuk menyemak diri dan cuba mengorbankan kesenangan sementara demi kebahagiaan jangka panjang yang hakiki, di dunia dan akhirat.

- Redaksi

Semangat Berkorban

Oleh Drs H M Noor Tijany

Pada setiap bulan Zulhijjah, umat Islam yang berkemampuan dianjurkan melaksanakan ibadah qurban. Dipandang dari sudut kejiwaan, perbuatan amal yang demikian itu adalah semacam latihan untuk mengingatkan semangat berkorban-mengorbankan sebahagian dari rezeki yang telah dikurniakan Allah untuk kepentingan masyarakat.

Diungkapkan dalam sejarah bahawa asal syariat ibadah qurban berakar dari Nabi Allah Ibrahim a.s. dan puteranya Nabi Ismail a.s. Sewaktu Nabi Ismail mencapai usia remaja, Nabi Ibrahim a.s. mendapat wahyu bahawa beliau mesti menyembelih puteranya itu. Sejak sekian lama mendambakan putera, tiba-tiba cahaya mata itu harus dikorbankan.

Nabi Ismail a.s. adalah anak yang soleh dan sangat setia kepada orang tuanya, ketika dia diberitahu oleh ayahnya

tentang perintah Allah itu; Nabi Ibrahim a.s. menjawab: "Wahai ayahku! Laksanakanlah apa yang diperintahkan oleh Allah kepada ayah, Insya Allah ayah akan dapat saya termasuk orang yang sabar".

Di saat penyembelihan dilaksanakan ke atas Ismail a.s. ternyata pisau yang begitu tajam tidak dapat berfungsi sebagaimana mestinya. Akhirnya tanpa diduga, Allah memerintahkan malaikat membawa se ekor kibas sebagai ganti Ismail a.s., lalu turunlah wahyu yang bermaksud:

"Sesungguhnya kamu telah membenarkan mimpi itu; demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang membuat kebaikan. Sesungguhnya ini benar-benar satu ujian yang nyata dan Kami tebus anakmu dengan seekor kibas dan Kami abadikan untuk Ibrahim itu pujian yang baik di kalangan orang-orang yang datang kemudian." - As-Shaffaat: 105-108

Sesungguhnya perintah penyembelihan Nabi Ismail itu hanyalah suatu ujian bagi ketaatan dan keimanan mereka kepada Allah. Demikian sekilas kisah yang diabadikan dalam Al Qur'an sebagai iktibar bagi umat manusia.

Selanjutnya, qurban ini disyariatkan pula kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada umatnya, sebagaimana firman Allah dalam surah Al Hajj: 34:

"Dan bagi tiap-tiap umat telah Kami syariatkan berqurban supaya mereka menyebut nama Allah terhadap binatang ternak yang telah direzekikan Allah kepada mereka, maka Tuhanmu ialah Tuhan Yang Maha Esa, kerana itu berserah dirilah kamu kepadaNya. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang patuh kepada Allah."

Bersambung di ms 2...

LPM dan tenaga pengelola Masjid Al-Istiqamah mengucapkan

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA 1422 DAN AWAL MUHARRAM 1423 HIJRAH

...dari ms 1

Penyembelihan qurban ada dua aspek, iaitu:

Pertama, aspek 'ubudiyah (peribadatan), iaitu berbakti dan mendekatkan diri kepada Allah, sesuai dengan perkataan qurban yang berasal dari perkataan "qaraba" yang artinya mendekatkan diri kepada Allah (taqarabillah). Sebagai imbalan pendekatan itu, maka Allah dekat pula kepada orang yang berkorban itu dan Allah akan melipat gandakan pahalanya kelak di akhirat.

Sebagaimana telah dijelaskan dalam hadis, daripada Siti 'Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Berkorbanlah kamu dengan hati yang rela; sesungguhnya setiap Muslim yang menghadapkan sembelihan qurbannya ke arah qiblat, maka darah haiwan itu, tanduknya, dan setiap helai bulunya, semua itu menjadi amal kebajikan dan akan ditimbang pada hari kiamat." (HR Baihaqi)

Yang penting bagi orang yang berqurban adalah keikhlasan. Al Quran menyatakan bahawa bukanlah daging atau darah qurban itu yang akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya adalah taqwanya,

yakni kesediaan dan keikhlasannya. Sebagaimana firman Allah dalam surah Al Hajj: 37:

"Tidak akan sampai kepada Allah daging atau darah haiwan qurban itu melainkan yang sampai kepadaNya adalah ketaqwaanmu."

Kedua, mengandungi aspek kemasyarakatan dan sosial, kerana dengan berqurban dan membahagi-bahagikan daging itu akan berkembanglah jiwa pendekatan sesama umat manusia sehingga orang-orang fakir miskin dapat merasakan nikmat dari daging qurban itu. Dengan cara ini, maka wujudlah penghayatan sosial dan kemasyarakatan. Pembahagian yang afdhal, daging qurban itu dibagi dengan tiga bahagian.

Satu bahagian dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin, satu bahagian disedekahkan kepada umum walau mereka tidak miskin, dan satu bahagian lagi boleh diambil oleh orang yang berqurban.

Demikianlah disyariatkan oleh agama kita, satu praktikal hidup yang benar untuk memelihara hubungan kita dengan Allah sesama manusia. Jika qurban dilaksanakan dengan ikhlas, maka hasil qurban itu dapat membawa kesan yang baik dalam masyarakat terutama di bidang ukhuwah dan kesejahteraan sosial.

Qurban merupakan satu ibadah sunnat muakkadah yang disyariatkan oleh Raulullah s.a.w. sebagaimana telah diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sesiapa mempunyai kemampuan berqurban tetapi dia enggan melaksanakannya, maka janganlah mendekati tempat solat kami." (HR Ahmad & Ibnu Majah)

Hadis tersebut nyata sekali bahawa Rasulullah s.a.w. sangat menggalakkan ibadah qurban bagi mereka yang mampu. Sebaliknya mereka akan dipencilkan sekiranya enggan melaksanakannya. Syariat qurban ini tidak hanya disunatkan kepada orang yang mengerjakan ibadah haji, malah bagi setiap Muslim disunatkan setiap tahun jika mereka berkemampuan. Sekurangnya dalam sebuah keluarga, digalakkan berqurban seekor kambing setiap tahun. Berdasarkan hadis daripada Abdullah bin 'Aun r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Wahai manusia! Sesungguhnya atas tiap-tiap ahli rumah pada tiap-tiap tahun disunatkan berqurban." (HR Abu Daud)

Tahun ini merupakan kali ketiga Masjid Al-Istiqamah melaksanakan ibadah qurban. Sebanyak 120 ekor kambing telah ditempatkan. C

Fadhilat Zulhijjah

Zulhijjah menemui kita sekali lagi membawa bersamanya kelebihan sebagaimana yang pernah disebut oleh Rasulullah s.a.w. dalam beberapa hadis.

Zulhijjah merupakan bulan yang menghimpunkan beberapa ibadah yang tidak ada pada bulan lain iaitu ibadah haji, ibadah qurban, di samping solat, sedekah serta amalan berzikir sebagai mendekatkan diri kepada Allah.

Zulhijjah juga mengingatkan kita kepada beberapa peristiwa yang besar iaitu mengenai pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya

Nabi Ismail a.s. serta Siti Hajar dalam masalah qurban, sa'i dari Safa ke Marwah, tawaf dan lain-lain lagi.

Kita juga diingatkan dengan peristiwa Haji Wida' (selamat tinggal) dan khutbah dari Rasulullah s.a.w. sendiri yang terkandung nasihat, wasiat dan amanah yang penting kepada para muslimin yang ada pada masa itu dan juga generasi seterusnya sehinggalah hari qiamat.

Mengenai bulan ini, Rasulullah s.a.w. telah bersabda (mafhumnya): "Tiada sesuatu hari

yang mana orang beramal soleh di dalamnya yang lebih disukai Allah daripada hari-hari ini (yakni permulaan Zulhijjah dari 1 hingga 10)."

Sahabat bertanya: "Walaupun jihad fisabilillah, ya Rasulullah?"

Jawab Rasulullah s.a.w.: "Walaupun jihad fisabilillah kecuali seorang keluar dengan membawa semua hartanya dan tidak kembali sama sekali (yakni habis semua hartanya dan mati syahid)." C

Aktiviti Masjid

Jadual Imam/Bilal Solat Juma'at (Feb - Apr 2002)

| <u>Tarikh</u> | <u>Imam/Khatib</u> | <u>Bilal</u> | <u>Tarikh</u> | <u>Imam/Khatib</u> | <u>Bilal</u> |
|---------------|-----------------------------|--------------------|---------------|---------------------------|--------------------|
| 22 Feb | Ust Noor Razak Abu Bakar* | En Yusri Osman | 12 Apr | Ust Jazair Jummat | En Roslan Abd Aziz |
| 1 Mac | Hj Yaakob Shukur | En Zulkifli Osman | 19 Apr | Hj Sujuddin Suparuddin | En Yusri Osman |
| 8 Mac | Ust Md Ghouse Khan Surattee | En Roslan Abd Aziz | 26 Apr | Ust Abdul Aziz Mohd* | En Roslan Abd Aziz |
| 15Mac | Hj Sujuddin Suparuddin | Hj Yaakob Shukur | 3 Mei | Hj Yaakob Shukur | En Yusri Osman |
| 22Mac | Ust Roslan Aman* | En Yusri Osman | 10 Mei | Ust Haron Hassan Akhtar | Hj Yaakob Shukur |
| 29Mac | Ust Fahrrozazi Kiyai Kassim | En Roslan Abd Aziz | 17 Mei | Hj Sujuddin Suparuddin | En Yusri Osman |
| 5 Apr | En Roslan Abd Aziz | Hj Yaakob Shukur | 24 Mei | Ust Zhulkeflee Hj Ismail* | En Roslan Abd Aziz |

* Khutbah dalam Bahasa Inggeris (minggu ke empat setiap bulan)

Jadual Kelas-kelas Agama Masjid Al-Istiqamah

| <u>Setiap Hari</u> | <u>Kelas</u> | <u>Pimpinan</u> | <u>Setiap Hari</u> | <u>Kelas</u> | <u>Pimpinan</u> |
|--------------------|--------------------------|---------------------|--------------------|-------------------------|-------------------------|
| Isnin | Kuliah Maghrib (Hadis) | Ust Md Shafie | Jumaat | Kuliah Maghrib | Ust Ismail Ahmat |
| Isnin | Fiqeh/Aqidah | Ust Ibrahim Hussain | Jumaat | Aqidah, Fiqeh, Tasawuf | Ust T M Fouzy |
| Isnin | Kursus Haji & Umrah | Ustz Kamariah | Jumaat | Quran/Tajwid | Ust Effendi Ahmat |
| Isnin / Rabu | Klinik Iqra/Quran Wanita | Ustz Nek Mah | Sabtu | Kuliah Zohor Muslimah | Ustz Habsah Senin |
| Isnin | Iqra/Quran Remaja | Ust Effendi Ahmat | Sabtu | Kursus Menghalusi Solat | Ust Fahrrozazi K Kassim |
| Selasa | Fardu Ain Muslimah | Ustz Sharafiah | Sabtu | Syarahan bulanan | Pensyarah undangan |
| Selasa | Kursus Solat Wanita | Ustz Nek Mah | Sabtu | Iqra/Quran Talaqqi | Ust Effendi Ahmat |
| Rabu | Kuliah Muslimah | Ustz Kamariah | Ahad | Tajwid AlQuran | Ustz Jamaedah |
| Khamis | Yasin & Tahlil | Imam Masjid | Ahad/Selasa | Tajwid AlQuran | Ust Roslan Aziz |
| Khamis | Fadhilad Yasin | Ustz Mariam Raop | Ahad | Tajwid AlQuran | Ust Effendi Ahmat |
| Khamis | Tafsir AlQuran | Ust Ibrahim Hussain | Ahad | Madrasah Tamil | Ustz Sikkandar |
| Khamis | Kursus Taranum Wanita | Ustz Nek Mah | Ahad | Kursus Ibadah Sempurna | Ust HM Noor Tijany |

Jadual Kuliah Subuh (Setiap Ahad)

| <u>Minggu</u> | <u>Penceramah</u> | <u>Tajuk</u> |
|---------------|------------------------|---|
| Pertama | Ust Ismail Ahmat | Adab-adab dalam Islam (Akhlak Islamiah) |
| Kedua | Ust Mohd Masbur Ahmat | Bersama Para Nabi dalam Al-Quran |
| Ketiga | Ust Yusof Jaforullah | Tasawwur Islam |
| Keempat | Ust Mohd Khozin Muhsan | Tanda-tanda Hamba Allah yang Soleh |
| Kelima | Ust Jazair Jumat | Nama-nama Allah yang Indah |

Qiyamullail - Setiap Ahad (Minggu Keempat)
pimpinan Ust Mohd Khozin Muhsan

Bersama Memakmurkan Masjid

Oleh Azman Ariffin, Setiausaha LPM

Kami panjatkan puji syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya kita telah dapat menikmati kesihatan badan serta kelapangan masa untuk meraikan Hari Raya Aidil Adha, hari mulia dan besar pengertiannya dalam kehidupan kita.

Salam serta selawat dikhususkan kepada junjungan kita, Nabi besar Muhammad s.a.w., para anggota keluarganya, sahabat-sahabatnya serta kepada mereka-mereka yang telah berjuang untuk menegakkan agama Islam yang dicintai ini.

Masjid Al-Istiqamah, dalam usia yang baru menjangkau tiga tahun, telah dapat mengorak langkah hingga berupaya menjadi satu institusi dan lambang kebanggaan kepada masyarakat Islam, bukan hanya kepada mereka yang tinggal di sekitar Serangoon/Ang Mo Kio/ Hougang tetapi juga di merata Singapura.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di Masjid kita ini bukan hanya tertumpu semata-mata untuk peningkatan Ukhrawi tetapi ia juga merangkumi aspek-aspek Duniawi. Kami memandang berat serta sangat prihatin dari segi

mutu program program yang dilakarkan. Kami ingin meyakinkan para ja'amah bahawa hanya mereka yang bertauliah dipilih untuk mengendalikan/memimpin program program tersebut.

Untuk makluman para ja'amah, kira-kira setinggi 70 peratus daripada pendapatan Masjid bersumber dari sumbangan jama'ah menerusi tabung, dan bakinya adalah dari pendapatan menerusi program-program kelolaan Masjid.

Kami perihatin atas ketidakseimbangan ini dan berusaha untuk mengatasinya dengan mengadakan program program yang berupaya mendatangkan pendapatan yang lebih seimbang, insya Allah.

Perbelanjaan besar yang perlu dikeluarkan setiap bulan tidak dapat dielak demi menampung kegiatan harian Masjid. Saya merayu jasa baik para ja'amah untuk sama-sama menyokong program program yang sedang dan bakal dilaksanakan.

Antara projek yang sedang giat diusahakan ialah "Projek Nasi Beriani Amal" yang kami kelolakan dengan kerjasama Masjid Khadijah. Pembahagian Nasi akan dilaksanakan pada 17hb March 2001. Pendapatan projek ini bakal digunakan untuk pentadbiran, keperluan prasarana dan perluasan dalam rangka meningkatkan lagi kesejahteraan para jama'ah seawaktu berada di



Masjid. Kami ingin merayu sokongan anda dengan membeli kupon kupon Beriani Amal, atau memberi sokongan tenaga untuk membantu menjual kupon kupon tersebut, atau menaja pembelian bahan masakan. Semoga setiap jasa baik para ja'amah akan diberi ganjaran oleh Allah s.w.t. Amin, Amin Ya Rabbal Alamin.

Setiap sumbangan para ja'amah, kecil atau besar, amat dihargai dan disanjung tinggi. Bagi pihak Lembaga Pentadbir Masjid Al-Istiqamah, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada setiap insan yang telah selama ini menyumbangkan bakti, baik dari segi kewangan, tenaga atau pun buah fikiran demi kesejahteraan masjid ini dan mengembangkan Syiar Islam. Moga setiap sumbangan ini kelak diberkati Allah s.w.t. Harapan saya juga agar sumbangan ini akan berterusan sekadar kemampuan dan kita sama-sama berusaha untuk memakmurkan rumah Allah yang suci ini. G



Berlumba-lumba dan Bersegera

Oleh Mohamad Sa'at Matari

Ribuan dolar biasanya dibelanjakan untuk mengecat bangunan besar tetapi masjid ini telah dapat berjimat hasil sumbangan tenaga anggota Kelab Sukarelawan Masjid Al-Istiqamah.

Mereka telah berganding bahu menyerikan beberapa ruang masjid dengan cat dan warna yang baru di koridor, bilik-bilik darjah di tingkat 2 dan 3, dan tembok pejabat Masjid Al-Istiqamah.

Ini adalah antara beberapa sumbangan yang telah dicurahkan oleh anggota kelab tersebut. Banyak lagi yang telah dilakukan.

Kelab Sukarelawan Al-Istiqamah misalnya, selain mengeratkan ukhwah, juga berjaya menerapkan kecintaan anggotanya kepada masjid dan sekali gus menjimatkan kos.

Setiap tahun, mereka menjadi tulang belakang kepada beberapa kegiatan dalaman masjid seperti

persiapan Ramadan, Hari Raya Puasa dan Haji termasuk ibadah korban dan lain-lain.

Lewat tahun lalu, lebih kurang 100 sukarelawan — lelaki, wanita dan belia — terlibat untuk menajayakan projek 'Malam Menimba Ilmu' yang berlangsung di Stadium Bedok yang bertujuan untuk menyebarkan ilmu, sambil mendapatkan dana untuk Masjid Al-Istiqamah dan tiga Masjid lain

Para anggota kelab sukarelawan juga memainkan peranan dalam beberapa program besar seperti ketika masjid ini dipilih menjadi tuan rumah "Mesyuarat Masjid-Masjid Singapura", "Majlis Ta'aruf Imam-Imam Masjid Seluruh Singapura", "Majlis Iftar" dan yang terbaru masjid ini telah dipilih untuk menganjurkan "Rumah Terbuka" (sempena Hari Perpaduan Kaum) dan "Islamic Corner".

Kesungguhan dan komitmen mereka menggambarkan pengha-

yatan terhadap konsep "as-sabiqun' (berlumba-lumba) dan "as-syari'un' (bersegera) dalam melakukan kerja-kerja sukarela dan amal jariah.

Konsep itu adalah antara beberapa panduan yang dijadikan pembakar semangat dalam rangka mencapai visi "Masjid Teras Pembangunan Ummah".

Menghulur tenaga hanyalah satu aspek kelab sukarelawan ini. Banyak aspek lain, termasuk kemajuan diri dan pengukuhan ukhwah ditekankan. Ini dilakukan menerusi program gotong royong, pelbagai kursus, kuliah, riadah, usrah dan bekerja secara kumpulan atau berjemaah.

Keanggotaan Kelab ini percuma dan terbuka kepada Muslimin, Muslimat dan Belia.

Mari jadi anggota Kelab Sukarelawan Al-Istiqamah. **G**

Qurban dan Pengorbanan Suci

Ujian adalah asam garam kehidupan. Umat Islam tidak terkecuali.

Allah s.w.t. berfirman: "Apakah manusia menyangka bahawa mereka dibiarkan saja mengatakan: 'Kami telah beriman', sedang mereka tidak diuji?" (Surah Al-'Ankabut, ayat 2)

Setiap ujian, kecil atau besar, mesti ditangani dengan tabah dan sabar.

Ada dua ujian dan cabaran yang sedang dihadapi oleh umat Islam:

1. Ujian dari dalam: kurang kesatuan umat yang kukuh. Sungguhpun tidak dikatakan pecah, umat bersimpang pandangan sehingga boleh menjejaskan kesatuan. Perbezaan pandangan sepatutnya suatu hikmah. Perbezaan penda-

pat terbatas dari segi pemikiran dan akal, sedangkan hati mesti bersatu berpandukan aqidah Islamiyah. Perbezaan pandangan tidak harus berpanjangan kerana menimbulkan kesan negatif. Ia boleh diselesaikan dengan menghidupkan semangat korban.

2. Antara ujian/cabaran dari luar ialah golongan anti Islam. Kaum atheis dan komunis misalnya, cuba menekan umat beragama, termasuk Islam, dengan menggunakan pelbagai taktik menghalalkan cara untuk mencapai tujuannya. Mereka mungkin sedar bahawa umat Islam mempunyai kekuatan yang tidak mudah dipatahkan. Lantas, siasat, tipu helah digunakan bagi menyebarkan isu negatif dan sensitif, melagakan sesama Islam.

Umat Islam perlu waspada menghadapi ujian dan cabaran ini. Sabar dan tanamkan tauhid dan keimanan yang mantap, ekonomi yang stabil, sosial dan politik yang terarah agar masalah ditangani secara bijaksana.

- Bijaksana, tidak injak sini sana
- Merangkul, tidak memukul
- Membina, tidak menghina
- M e m u d a h k a n , t i d a k menyusahkan
- Membimbing, tidak menuding
- Halus tetapi tembus
- Tenang tetapi menang

Mudah-mudahan dengan demikian, umat Islam berjaya menegakkan kebenaran yang diridhai Allah sehingga dapat mewujudkan masyarakat sejahtera dan harmoni. — *Ust Mohd Noor Tijany. G*

Pendidikan Cemerlang

Oleh Zuraida Mustafa, Pegawai Eksekutif Jabatan Pendidikan

“Jabatan Pendidikan ialah satu jabatan yang bukan saja tidak mendatangkan untung tetapi perlu mengeluarkan belanja yang banyak, sebagaimana pemerintah Singapura telah melabur berjuta/billion dolar untuk persiapan masa depan Singapura”

Begitulah ungkapan yang selalu ditekan oleh Pengerusi Jabatan Pendidikan (JP), Puan Zainab Abdul Ghani. Sesungguhnya, pendidikan adalah satu pelaburan jangka panjang. Pulangannya tidak boleh diukur dengan wang ringgit. Lantaran itulah, JP tidak boleh menjalankan program pendidikan yang “asal boleh” saja. Program-program pendidikan dilakar dan dilaksanakan berdasarkan visi dan misi JP.

Visi

Melahirkan masyarakat cemerlang yang berilmu pengetahuan duniawi ukrawi, bertrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab.

Misi

Menyediakan pendidikan cemerlang yang dapat mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Untuk mencapai ke tahap pendidikan yang cemerlang, JP sentiasa meneroka, menyedia dan memberi pendidikan yang sebaik-baiknya untuk semua peringkat umur. Kami sentiasa perihatin terhadap pemilihan asatizah dan guru-guru tadika yang berkelayakan, berkaliber dan dedikasi untuk memikul tanggungjawab menjalankan kurikulum dan kegiatan-kegiatan yang bermutu.



Program Pendidikan

Berikut ialah program pendidikan yang disediakan di Masjid Istiqamah:-

Untuk kanak-kanak:

- i) madrasah separuh masa
- ii) madrasah iqra/Al-Quran sepadu
- iii) taska PPIS
- iv) kelas mengaji – iqra dan Al-Quran (modul/talaqqi)
- v) kelas tuisyen
- vi) tadarus Al-Quran (Bulan Ramadan)
- vii) madrasah dalam bahasa Tamil

Untuk Dewasa:

- i) madrasah iqra sepadu untuk wanita
- ii) klinik Al-Quran (untuk wanita)
- iii) kelas mengaji iqra/Al-Quran secara modul/talaqqi
- iv) kelas mengaji untuk lelaki secara perseorangan
- v) kelas menghalusi solat untuk wanita
- vi) kelas tarannum untuk wanita
- vii) kursus bimbingan wanita/ceramah dan sesi dialog

Selain pendidikan asas, JP menjalankan program-program pengayaan yang dapat meluaskan minda, intelek, pekerti dan mempertingkatkan kemahiran pembelajaran murid-murid dan ibu bapa. Antara yang telah dan akan dianjurkan ialah:

- i) Lawatan pendidikan dar-mawisata ke Kuala Lumpur
- ii) Bulan berbudi bahasa
- iii) Membaca dengan senyap

(Silent Reading)

- iv) Peraduan syarahan sem-pena Maulid Nabi
- v) Khemah Matematik
- vi) Klinik Matematik
- vii) Bengkel Bahasa Inggeris
- viii) Peraduan Membaca
- ix) Bengkel Keibubapaan
- x) Bengkel Membaca

Perpustakaan

Peri pentingnya membaca memang tidak dapat disangkal jika kita inginkan anak-anak kita maju di dalam persekolahan/madrasah mereka. Malah kunci kejayaan biasanya terletak kepada membaca. Untuk menyemai dan menerapkan budaya membaca, sebuah perpustakaan khas telah disediakan dan banyak program-program yang telah dianjurkan untuk menggalakkan gemar membaca. Keanggotaan perpustakaan di kalangan murid-murid diwajibkan agar mereka dapat mengikuti dan mendapat manfaat dari program yang dianjurkan.

Dana Pendidikan

Untuk menjalankan program pendidikan, masjid perlukan dana untuk membiayai program-program ini. Selain yuran bulanan, kami perlu memikirkan cara kreatif untuk mencari dana. Salah satu cara ialah dengan mengeluarkan Kad Rawal tahunan (di bulan Ramadan dan Syawal). Kutipan tahunan ini dapat membantu membiayai dan menjayakan program-program JP. Ia juga dibelanjakan untuk membantu murid dari keluarga yang kurang berkemampuan.

Sokongan ibu bapa

Untuk menjayakan sesuatu program, tiga faktor memainkan peranan:

- i) murid
- ii) ibu bapa

iii) guru/asatizah

JP perlu sokongan ibu bapa untuk menjayakan program pendidikan yang diadakan.

Ibu bapa boleh membantu dengan memastikan anak-anak mereka hadir ke madrasah, membayar yuran pada waktunya dan menyokong dan menghadiri aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. JP

tahun lepas telah mengadakan



taklimat untuk ibu bapa dua kali setahun dengan tujuan memberitahu ibu bapa tentang perkembangan pelajaran anak-anak mereka.

Di samping itu, kami juga mengadakan taklimat untuk kelas tuisyen supaya ibu bapa dan murid jelas matlamat mengikuti kelas tuisyen dan peranan mereka.

Akhir kata

Hadis yang menyatakan bahawa

“Hari ini harus lebih baik dari semalam, dan esok harus lebih baik dari hari ini” - menjadi panduan untuk mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan program pendidikan.

Kami sedar laluan itu tidak mudah dan mengandungi pelbagai masalah. Namun kami anggap semua itu sebagai cabaran yang akan memperkaya pengalaman dan pengajaran.

Kami mengharapkan sokongan semua pihak agar misi dan visi JP ini terlaksana, insya Allah. C

Qurban Through History

By Abuzubair

History of Qurban

The history of Qurban dates back to beginning of man. It can be broadly categorised into 3 parts: the times of Prophet Adam (the first human being created by Allah), Prophet Ibrahim and Prophet Muhammad onwards (a.h.ms.).

1. The Time Of Prophet Adam a.s.

During the time of prophet Adam, qurban was performed by his sons, Qabil and Habil. Qabil was a farmer while Habil tended livestock. It was decreed by Allah that those who had wealth was supposed to sacrifice part of it. As a farmer, Qabil gave a portion of his harvest, while Habil contributed some of his livestock.

Habil was sincere in his sacrifice and gave the choicest selections of his animals whereas Qabil gave away only rotten produce. Habil's contribution was accepted by Allah and as a result, his livestock thrived even more. On the other hand, Qabil gave reluctantly, and his sacrifice was not accepted by Allah.

2. The Time of Prophet Ibrahim a.s.

Prophet Ibrahim established the city of Makkah, the holiest city for Muslims). It was during his time there that his wife Hajar gave birth to a son named Ismail, who was later to be a prophet himself.

On one occasion, Prophet Ibrahim was ordered by Allah to leave his family for a certain time. This turned out to be a test of obedience to Allah for the whole family. Prophet Ibrahim left his wife and son with a small amount of food and drink.

Very soon, the supply ran out for Hajar and Ismail. Hajar went to look for food and water across the hills in the desert while at the same time taking care not to neglect the baby. (Her noble efforts are now re-enacted by millions of Muslims annually as part of the haj ritual.)

Despite looking all over within the vicinity repeatedly, Hajar did not find anything to bring back. Just as all hope seemed lost, Ismail began to stomp on the ground with his feet. By the will of Allah, water started to gush from that point. Hajar quickly ran towards it and excited with this extraordinary sight, she shouted, “Zami, Zami” (“Gather! Gather!”). This water spring still flows freely to this day and is known as the Well

of Zam Zam.

Years later, when Ismail was a youth, Allah put even a harder test on Prophet Ibrahim and his family. Through dreams, Prophet Ibrahim was ordered to sacrifice his beloved son for the sake of Allah. Being the obedient ones, the entire family went out to do according to the decree. But by the will of Allah, just as Ismail was about to be slaughtered, his place was taken over by a ram. Allah had accepted the sacrifice of Prophet Ibrahim and his family!

3. The Time of Prophet Muhammad s.a.w. onwards

After the establishment of Islam in Madinah, the act of qurban was performed by the sahabahs in the form of slaughtering livestock, with the meat distributed among the poor, relatives and friends.

So significant was the sacrifice made by Prophet Ibrahim a.s. and his family that Allah has made the re-enactment of his act one of the major forms of worship for Muslims.

With the spread of Islam, the act of qurban is practised in almost all the countries of the world today. Even in land-scarce countries like Singapore, arrangements are made, such as importing livestock, so that this deed is perpetuated. C

Projek Nasi Beriani Amal 2002

Bukan mudah mengumpul dana tetapi berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.

Namun untuk memastikan Masjid Al-Istiqamah yang telah dibina dari derma masyarakat terus makmur kita tiada pilihan, melainkan terus aktif melakar program-program di samping memastikan dana masjid mantap.

Seperti masjid satelit lain, biaya pentadbiran Masjid Al-Istiqamah tidak jauh berbeza iaitu sekitar \$80,000 sebulan. Alhamdulillah sejauh ini kami dapat mencukupkannya dengan sokongan tuan/puan dan menerusi beberapa projek mengumpul dana.

Antara projek berkala yang telah dilakar ialah projek Nasi Beriani Amal. **Pengerusi Masjid Khadijah, Ust Hj Ali Muhammad dan para sukarelawan** telah bersejua untuk membantu Masjid Al-Istiqamah menjayakan projek ini. Matlamatnya ialah mengumpul sekitar \$50,000/-. Kami berharap projek ini sekaligus dapat menyemarakkan semangat gotong royong dan mengeratkan ukhwah dikalangan sukarelawan Masjid Al-Istiqamah dan Masjid Khadijah.

Harga sebungkus nasi amal ialah \$10/- sahaja. Pengambilannya ialah pada hari Ahad, 17 Mac 2002 dari jam 10.00 pagi sehingga 2.00

petang di Masjid Al-Istiqamah.


Kami mengharapkan sokongan anda. Bantulah Masjid Al-Istiqamah dengan membeli kupon-kupon projek ini, bantu menjalankannya, atau dengan menderma untuk biaya keperluan dan peralatannya. Berikut adalah kos perbelanjaannya (keperluan dalam kandungan) :

1. Berapa ekor kambing @\$200 seekor (\$6,000)
2. Beberapa guni beras Basmati-Maharani @ \$60 seguni (\$2,000)
3. Bahan-bahan rempah ratus dll (jumlah \$2,000)
4. Perkakas masak memasak (jumlah \$3,000)

Kami juga mengalu-alukan muslimin/muslimah yang ingin sama-sama untuk rawang (persiapan memasak) dari 15 sehingga 17 Mac 2002.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Cik Supiyah atau Cik Khairiah di telefon 2814287 atau email ke:

alistiqamah@mosque.org.sg C



JABATAN KEBAJIKAN & PEMBANGUNAN
KELUARGA MASJID AL-ISTIQAMAH
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PEMBANGUNAN KELUARGA MUIS
MENGANJURKAN

Kursus Persiapan Berumah Tangga

Modul Pra-Nikah

Yuran \$110 seorang termasuk modul Pos-Nikah, Sijil Penyertaan, nota-nota, buku kerja, makan tengahari dan jamuan teh)

Hubungi Supiyah di talian 2814287 untuk pertanyaan lanjut

* * *

Jadual Syarahan Agama Sabtu Malam Ahad

* Sabtu, 9 Mac 2002
"Sirah Rasulullah dalam Pembangunan Keluarga & Masyarakat"
Oleh Ust Burhanuddin SR

* Khamis, 14 Mac 2002
Doa Akhir Tahun & Awal Muharam

* Sabtu, 23 Mac 2002
Oleh Ust Roslan Aman

* Sabtu, 27 April 2002
"Amalan Kurafat Masyarakat Islam"
Oleh Ust Al-Kastalani



BORANG SUMBANGAN PROJEK NASI BERIANI AMAL MASJID AL-ISTIQAMAH 2002

Saya ingin menderma sejumlah \$ untuk daging kambing/beras/bahan-bahan/perkakas (sila bulatkan salah satu) atau sebagainya untuk PROJEK NASI BERIANI AMAL MASJID AL-ISTIQAMAH 2002.

Nama: Tel:

Alamat: S ()

Terlampir ialah cek saya bernombor yang dialamatkan kepada Lembaga Pentadbir Masjid Al-Istiqamah.

Sila hantarkan ke:

Lembaga Pentadbir Masjid Al-Istiqamah, 2, Serangoon North Ave 2, Singapore 530301

Kak Halijah, Dikau Telah Mengajarku Erti Pengorbanan

Oleh Azhari Mustafa

Setiap kali musim haji yang mulia ini tiba, saya akan terkesan dengan seorang insan yang di mana dengan bantuannya, setelah pertolongan Allah s.w.t., kami suami isteri dapat menunaikan fardhu haji. Insan yang baik dan berhati mulia itu adalah al-Marhumah Kak Halijah Abdul Hamid Munawwarah, bekas pengurus Halijah Travels and Tours.

Moga-moga dengan tulisan ini, para pembaca dapat berkongsi dengan saya akan jasa beliau dan mendoakannya, agar Allah menempatkannya bersama orang-orang yang dikasihiNya.

Beberapa tahun lalu, sejeurus isteri dan dua anak perempuan saya yang berusia 4 dan 2 tahun tiba di Madinah (pada waktu itu saya adalah seorang pelajar di Universiti Islam Madinah), pengurus agensi pelancongan yang mereka ikuti memberitahu saya bahawa dia tidak dapat menampung kami sekeluarga menunaikan haji seterusnya kerana wang yang dibayar kepadanya tidak mencukupi untuk tujuan tersebut.

Mulalah saya berikhtiar dengan bantuan rakan-rakan di Madinah cara untuk mengerjakan haji tanpa agensi pelancongan. Seorang teman baik saya, Abu Zawaid, sampai-sampai mendapat persetujuan dengan jemaah haji dari Afrika untuk kami sertai. Beliau amat risau tentang keadaan yang akan kami tempuhi tanpa mengikuti mana-mana jemaah haji. Apalagi ini adalah pengalaman kami yang pertama menunaikan haji.

Akhirnya saya tiada pilihan lain kecuali mendapat belas kasihan beberapa agensi pelancongan dari Singapura. Alhamdulillah saya dapat menghubungi Kak Halijah di Makkah ketika itu untuk mendapat bantuannya.

Malangnya beliau memberitahu bahawa bilik-bilik hotel yang diduduki telah penuh semuanya. Tetapi beliau sempat berpesan supaya menemuinya apabila tiba di Makkah nanti. Pada waktu itu tiada apa yang dapat saya lakukan selain bertawakkal saja kepada Allah.

Setelah 10 hari di Madinah, kami berangkat ke Makkah. Setibanya di sana dengan keadaan yang penuh sesak, kami mencari tempat untuk berihat dan bermalam. Kami mendapatkan tempat di sebuah sudut di pusat membeli belah Hilton di hadapan Masjidil Haram. Ujian pertama menimpa ketika hendak membeli makanan, saya sedar kami kehilangan lebih 2,000 riyal di pusat membeli belah itu. Mulalah saya panik. Bagaimana untuk melanjutkan perjalanan ini? Ketika itu kami teringat akan pesanan Kak Halijah.

Malam itu juga beliau menguruskan penginapan kami. Oleh kerana semua bilik di hotel telah penuh, kira-kira jam 12.00 malam beliau sendiri membawa kami jauh dari kawasan Masjidil Haram ke sebuah rumah yang didiami sekumpulan jemaah haji dari negara China. Esok harinya kami kembali ke Masjidil Haram untuk menunaikan umrah. Malangnya kami tidak dapat mencari rumah yang kami bermalam itu kerana telah tersesat. Kami sekeluarga terpaksa bermalam di hadapan pintu Masjidil Haram.

Esoknya kami bersama jemaah Halijah Travels mula berangkat ke Arafah. Kami sekeluarga diberi rencana dan dikira sebagai anggota jemaah haji Halijah Travels. Alhamdulillah kami dapat menunaikan ibadat dari mula hingga selesai bersama-sama jemaah haji pimpinan Kak Halijah. Saya sempat bertemu

dengannya untuk bertanyakan bayaran atas khidmat haji itu tetapi beliau tidak mahu menerima walau sesen pun. Akhirnya kami bersama jemaah haji kembali semula ke kawasan Masjidil Haram.

Setibanya di sana, kami terus ke 'hotel' lama kami, iaitu di ruang sudut di pusat membeli belah Hilton kerana tidak mahu menyusahkan Kak Halijah. Pada malam itu saya diserang sakit demam. Ujian terus menimpa kami bila isteri saya yang mengandung empat bulan merasa kesakitan di rahimnya. Kami tiada pilihan melainkan menyewa sebuah bilik di hotel berdekatan dengan bayaran 10 kali ganda dari biasa.

Apabila Kak Halijah mengetahui akan perkara itu, beliau begitu marah dan serta merta menyuruh pegawainya menghantar sebuah kerusi roda untuk mengambil isteri saya. Beliau juga mengarahkan pegawainya membungkus makanan untuk kami sekeluarga. Beliau telah memberi kami penginapan satu bilik sekeluarga dan makan tiga kali sehari di hotel White Palace itu. Keesokan harinya datang seorang pegawainya ke bilik kami lalu menyerahkan seribu riyal kepada kami sebagai sedekah dari Kak Halijah. Subhanallah!! Tiada apa-apa bayaran pun yang diminta malahan beliau membantu kami dari segi kewangan setelah sekian banyak bantuan yang diberinya.

Kemudian tibalah masa untuk jemaah haji Halijah Travels berangkat ke Madinah. Sebelum berangkat, beliau membawa saya menemui pengurus hotel White Palace. Saya terkejut bila dia mengarahkan pengurus itu untuk membiarkan kami sekeluarga tinggal di hotel tersebut berapa lama yang kami kehendaki. Tanpa sedikit bayaran pun.

Bersambung MS 10...

...dari MS 10

Setelah lebih dari dua minggu, kami sekeluarga berangkat pulang ke tanahair dengan membawa seribu macam kenangan. Kenangan akan erti kemanusiaan, persaudaraan, pengorbanan, pertolongan dan kasih sayang sesama insan daripada seorang

insan yang berhati mulia.

Wahai Kak Halijah, engkau telah mengajarku semua itu. Akan ku abadikan pengajaran itu dan akan ku teruskan perjuanganmu itu.

Ya Allah balasilah jasa Kak Halijah dengan balasan yang baik, ampunilah dosanya, rahmati dan

maafkan kesalahannya. Masukkanlah dia ke dalam syurgaMu dan tempatkanlah dia bersama orang-orang yang Engkau kasihi. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Penulis adalah seorang mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. C

Introduction to Multimedia

By Muhammad Fuadi Rahmat

Multimedia overview

Multimedia combines many types of media into a single package of text, pictures, animation, video and sound. It is also interactive, involving the user in selection and control.

Multimedia gives you the chance to influence what appears on the screen. Interactive features range from simple selection from a list of options, to question and answers, to directing a film plot.

Who uses multimedia?

Everyone has something to gain from multimedia. At home, multimedia, such as CD-Roms, provide a source of entertainment and education from reference works (e.g. encyclopedias) to action-packed games. In business, companies may use multimedia for training, for presentations and in general communications.

In business and public service, multimedia has an important role to play. The task of presenting information to clients, staff and the general public is increasingly being handed over to interactive multimedia, which can teach, inform, promote, and sell in new ways that are both more effective for the organisation and more entertaining for the user. Interactive kiosks can now be found in one or more locations including shops, offices, museums and even air-planes.

Compact Discs and CD-Roms

The audio compact disc stores a stream of electronic code that represents sound waves. During manufacture, digital data is stamped onto an aluminium disc in the form of hollows (pits) and flat areas (lands), representing the two digits (1 and 0) of binary code. To play a CD, a laser beam is passed over the spinning disc and reflected light patterns are then translated into data.

The storage capacity of CDs can hold more than two complete sets of the Encyclopedia Britannica (approximately 650 MB lasting for 74 minutes, recently a 700 MB was introduced).

Software

Software is divided into two main categories—operating systems and programs. Programs range from productive tools such as word processors (known as applications) to multimedia titles information or entertainment. Programs are stored on the hard disk, floppy disk, Zip disk or on CD-Rom.

Monitors

The monitor turns patterns of voltages from graphic card into patterns of light. The display area of monitor is made up of a grid of picture elements (pixels, for short): each is three tiny phosphor dots. The sharpness of the picture de-

pends on the monitor and graphics card.

Process:

1. Three guns fire electron beams at the screen. The strength of each beam is controlled by the signal from the graphics card.
2. The electron beams sweep left to right across the screen, one row at a time. The screen is scanned at least 60 times a second.
3. The screen is a sheet of phosphor metal made of tiny holes, designed so that as one beam goes through, it hits only red pixels at the front, the second hits green and the third blue.
4. An average monitor "colours in" a grid of up to 750,000 pixels to draw each image on the screen.
5. A pixel is a group of three coloured dots of phosphor that glow when the electron beam hits them. Different colours are made by varying beam strength.

The writer is the Chairman of Masjid Al-Istiqamah IT Department and holds a Master Degree in Multimedia.

Masjid Al-Istiqamah is an approved centre for the National IT Literacy Program (Levels 1 and 2).

For further details on our IT courses, please contact Shahrudin or Sahlan on 2814287 or email to alistiqamah@mosque.org.sg. C

Know Your 'Haj Stuff'

How familiar are you with Haj? Unscramble the letters to name the things associated with Haj. (Answers on Page 12)



1. HKAMKA
2. AATRF
3. AMNI
4. AFMIDZULH

5. MQITA
6. ABTHYLIA
7. RWAMHA
8. UAAMMTZL

9. HKBAAA
10. WTAFA
11. RHMUA
12. HRMIA

Anda Musykil, Ustaz Menjawab

Kemusykilan Agama bersama Ustaz H M Noor Tijany

Soalan:

Saya ingin berqurban seekor lembu tetapi mak cik saya mengatakan bahawa saya harus melaksanakan aqiqah lebih dahulu. Satu pihak lain mengatakan saya boleh melakukan qurban tanpa aqiqah. Saya ingin melakukan qurban untuk arwah mak, arwah abang, dan saya lima orang sekeluarga. Saya belum melaksanakan aqiqah untuk anak saya.

Bolehkah saya melakukan qurban untuk anak saya sekali dalam satu ekor lembu? Umur anak saya adalah 8, 10 dan 13 tahun.

Jawapannya:

Ibadah Qurban dan Aqiqah adalah serupa tetapi tidak sama. Serupa maksudnya sama-sama menyembelih binatang ternak, seperti kambing, lembu atau unta. Binatang ternak yang disembelih untuk aqiqah itu syarat-syaratnya sama seperti binatang ternak yang disembelih untuk qurban. Bagaimanapun pelaksanaan ibadah qurban dan aqiqah jelas berbeza.

Ibadah Qurban:

Disunatkan setiap tahun jika ada kemampuan, sama ada lelaki atau perempuan hanya seekor kambing. Tetapi lembu atau unta boleh dikongsi oleh tujuh orang.

Waktunya:

Sesudah solat Aidil Adha (10 Zulhijjah) dan pada hari-hari Tasyriq, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah (bererti hanya 4 hari).

Pembahagian:

Daging Qurban dibagi mentah kepada tiga bahagian, iaitu sepertiga dibahagikan kepada fakir miskin, sepertiga dibahagikan kepada bukan fakir miskin dan sepertiga boleh diambil oleh orang yang berqurban, kecuali Qurban Nazar, orang yang berqurban tidak boleh makan daging qurban nazarnya. Bagaimanapun, qurban biasa boleh diserahkan semuanya kepada pihak yang menguruskan.

Aqiqah:

Binatang ternak yang disembelih ketika anak baru dilahirkan. Disunatkan sepanjang hayat hanya sekali. Untuk anak lelaki, afdhalnya dua ekor kambing dan untuk anak perempuan hanya seekor sahaja.

Waktunya:

Sejak bayi dilahirkan, tetapi yang afdhal setelah bayi berumur tujuh hari atau 14 hari ataupun 21 hari. Imam Malik berpendapat bahawa ketetapan aqiqah pada hari ke tujuh hanyalah dari segi afdhalnya. Jika hendak dilaksanakan pada hari ketiga, keempat, kelima atau

keenam pun boleh. Jika pada hari-hari tersebut tidak sanggup, maka laksanakanlah pada hari-hari lain hingga anak itu mencapai baligh. Bahkan jika sampai baligh masih belum terlaksana, maka sunat baginya melaksanakan sendiri. Ibnu Hajar menyebutkan dalam kitab "Tuhfah", anak yang sudah baligh sudah terlepas dari tanggungan orang tuanya, maka aqiqahnya hendaklah dilaksanakan oleh anak itu sendiri.

Pembahagian:

Daging aqiqah dimasak. Sebaik-baiknya dibuat jamuan dalam sebuah majlis.

Bagi anak yang dibawah umur, jika masih belum melaksanakan aqiqah, baiklah melaksanakan aqiqah terlebih dahulu. Mudah-mudahan, apabila anak sudah dewasa nanti dapat melaksanakan qurban. Yang disunatkan setiap tahun dibulan Zulhijjah.

Wallahu a'lam.

Jika anda mempunyai kemusykilan agama, sila hantarkan melalui email ke: alisticqamah@mosque.org.sg

Ust HM Noor Tijany memimpin kursus Ibadah Sempurna di Masjid Al-Istiqamah pada setiap Ahad selepas Isyak. Kelas adalah percuma dan dibuka kepada sekalian Muslimin dan Muslimah. C

Kenali Sahabat Rasulullah s.a.w.

Uthman (r.a.) - banyak berkorban untuk Islam

Saiyidina Uthman bin Affan r.a., khalifah Islam yang ketiga adalah seorang ahli perniagaan yang bijak dan berjaya, warak dan dermawan. Beliau tidak pernah kuatir akan papa kerana berbelanja ke jalan Allah, malahan berlumba-lumba demi kepentingan Islam dan umatnya.

Di Madinah, ketika umat Islam kesulitan mendapatkan bekalan air, beliau tanpa fikir panjang telah membeli sebuah perigi bernama Bir Ruma milik seorang yahudi dan diwakafkan untuk kegunaan umat Islam. Walau pada harga yang sangat mahal,

iaitu pada mulanya separuh sahaja dengan harga 12 ribu dirham dan kemudian keseluruhan perigi tersebut dengan tambahan 8 ribu dirham.

Apabila Masjid Madinah ingin diluaskan kerana jemaah semakin ramai, Saiyidina Uthman dengan segera menyahut seruan Nabi Muhammad s.a.w. untuk membiaya. Beliau telah membeli lima buah rumah yang sejajar dengan masjid untuk dirobuhkan lalu didirikan bangunan tambahan masjid.

Beliau sentiasa bersedia dan tidak mahu ketinggalan untuk men-

yerahkan harta dan kekayaannya demi keperluan Islam. Ketika perang Tabuk pula iaitu pada tahun 9 Hijrah, beliau telah menderma 10,000 dinar, 150 ekor unta yang penuh sarat dengan muatannya, 150 ekor kuda perang dan mewa-kafkan sebuah perigi.

Jasa Saiyidana Uthman bukan setakat itu sahaja, kerana beliau-lah yang mengusul dan berusaha membukukan al-Quran dalam bentuk mashaf yang dikenali sebagai *mashaf Uthmani*. Mashaf ini kekal sehingga hari ini. C

“ KURSUS BIMBINGAN MUSLIMAH ”
ANJURAN JABATAN WANITA/PENDIDIKAN MASJID AL-ISTIQAHAH
DIPIMPIN OLEH DATO' DR MASHITAH IBRAHIM
PADA 23, 24, 30 & 31 MAC 2002
Yuran : \$60

Kami sedia menerima sumbangan daripada sekalian pembaca. Sertakan penulisan anda dengan nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat. Segala sumbangan yang kami sertakan di dalam terbitan menjadi hak milik Lembaga Pentadbir Masjid Al-Istiqamah. 'Suara Al-Istiqamah' adalah risalah yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan dan Perhubungan Masjid Al-Istiqamah.

Pandangan-pandangan yang diutarakan di dalam terbitan ini adalah milik penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi pihak Masjid Al-Istiqamah.

Masjid Al-Istiqamah
2 Serangoon North Ave 2

Tel: 281-4287 Fax: 281-3204
Email: alisticqamah@mosque.org.sg



**Lembaga Pentadbir
Masjid Al-Istiqamah**

*Membina Masyarakat Beriman, Berilmu
& Beramal.*

Jabatan Pendidikan Masjid Al-Istiqamah

KELAS TUISYEN 2002

| PERINGKAT | HARI & MASA | SUBJEK |
|----------------------|---|------------------------------------|
| Darjah 4 | Isnin (7.30-9.30mlm) Rabu (7.30-9.30mlm) | Bahasa Inggeris, Matematik & Sains |
| Darjah 5 | Sabtu (5.00-7.00mlm) Ahad (7.30-9.30mlm) | Bahasa Inggeris, Matematik & Sains |
| Darjah 6 | Sabtu (5.00-7.00mlm) Ahad (5.00-7.00mlm) | Bahasa Inggeris, Matematik & Sains |
| Menengah 1 (Normal) | Selasa (7.30-9.30mlm) Khamis (7.30-9.30mlm) | Matematik & Sains |
| Menengah 1 (Express) | Selasa (7.30-9.30mlm) Juma'at (7.30-9.30mlm) | Matematik & Sains |
| Menengah 2 (Normal) | Isnin (7.30-9.30mlm) Rabu (7.30-9.30mlm) | Matematik & Sains |
| Menengah 2 (Express) | Sabtu (2.00-4.00ptg) Ahad (2.00-4.00ptg) | Matematik & Sains |

Pendaftaran: \$10, Yuran sebulan: \$60 (Rendah), \$70 (Menengah)
Ciri-ciri Pusat Tuisyen: - Kumupulan kecil
- Guru-guru berkelulusan dan komited
Sila hubungi Siti Sainab/Zuraida untuk keterangan lanjut di talian: **2814287**

Answers to 'Know Your Haj Stuff': 1. Makkah 2. Arafat 3. Mina 4. Muzdalifah 5. Miqat 6. Talbiyah 7. Marwah 8. Multazam 9. Kaabah 10. Tawaf 11. Umrah 12. Ihram